

Tun M pertikai jawapan

■ SITI NURSYAHIDAH ABU
BAKAR

SHAH ALAM - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meneruskan siri kritiknya terhadap Perdana Menteri dengan mendakwa Datuk Seri Najib Tun Razak berbohong dalam kes wang 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dalam tulisan blognya semalam, Dr Mahathir mempertikaikan wang 1MDB yang dikatakan disimpan di Bank BSI Singapura dalam tunai.

"Amatlah menyedihkan apabila saya dapati saya tidak dapat elak daripada kenyataan bahawa Perdana Menteri berbohong. Dalam kes wang 1MDB yang dikatakan telah dibawa balik dari Pulau Cayman dan disimpan dalam bank BSI Singapura, jawapan bertulis oleh Perdana Menteri kepada soalan Parlimen tidak menepati kebenaran sama sekali.

"Pembongkaran pertama ialah tidak ada wang tunai 1MDB yang dibawa balik. Kedua, tidak ada wang tunai dimasukkan ke dalam bank BSI di Singapura," katanya.



Dr Mahathir akui gagal elak daripada memberi kenyataan bahawa Perdana Menteri berbohong mengenai isu 1MDB.

Rabu lalu, Najib melalui jawapan bertulis di Parlimen menjelaskan baki pelaburan 1MDB yang diuruskan Cayman Monetary Authority sebanyak A\$5.1 bilion (RM4.022 bilion) ditebus dalam bentuk aset dan bukan wang tunai.

Menurut Najib, penjelasan itu pindaan jawapan kerajaan sebelum ini bahawa baki dana pelaburan 1MDB ditebus dalam bentuk wang tunai.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, jelas daripada pindaan kepada jawapan

yang pertama iaitu bukan wang tunai RM3.6 billion dimasukkan dalam Bank BSI tetapi dokumen (surat pengakuan) yang disimpan dengan bank.

"Apa dianya surat ini tidak dijelas tetapi yang jelas ialah ia bukan wang tunai," katanya.

Seterusnya, beliau membangkitkan laporan Bank BSI Singapura kepada Penguasa Kewangan Singapura (MAS) menyatakan simpanan anak syarikat 1MDB, Brazen Skypal-su dan bukan daripadanya.

"Maka jelaslah kenyataan bertulis kedua Najib kepada

Parlimen bahawa yang disimpan adalah dokumen tidak benar. Bank BSI Singapura telah lapor kepada MAS bahawa tiada wang 1MDB disimpan dengannya. Pada kebiasaannya MAS melapor maklumat ini kepada Bank Negara.

"Ini jelas daripada pengakuan kononnya laporan ini tertakluk protokol kerahsiaan antarabangsa dan kehendak kerahsiaan di bawah seksyen 10 AMLA. Dari kenyataan ini, jelas Bank Negara telah terima laporan Monetary Authority Singapore," katanya.

Menurutnya, tujuan merahsiakan laporan itu mungkin kerana ada yang tidak kena atau pembongkaran oleh Najib.

Katanya, perbuatan menyembunyikan kesalahan dalam urusan kerajaan adalah salah di sisi undang-undang dan mereka yang membuat laporan salah melanggar undang-undang jenayah Seksyen 218.

"Ada unsur jenayah berkenaan kes ini yang perlu siasatan polis dan jika wang ini gagal dikesan, maka proses undang-undang hendak diambil terhadap pihak terlibat," katanya.